ROWATANAL® CREAM

Bismuth subgallate/ menthol/ calcium carbonate/ zinc oxide (2% w/w / 1% w/w / 5% w/w / 8% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Rowatanal®
2. Bagaimana Rowatanal® berfungsi
3. Sebelum menggunakan Rowatanal®
4. Cara menggunakan Rowatanal®
5. Semasa menggunakan Rowatanal®
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Rowatanal®
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Rowatanal®

Untuk rawatan buasir dan kerengsaan di bahagian dubur (rektum).

Bagaimana Rowatanal® berfungsi

Rowatanal® Cream mempunyai sifat antiseptik dan astringen (pembersihan). Ia melegakan kegatalan yang teruk dan rasa pedih yang berkaitan dengan buasir.

Sebelum menggunakan Rowatanal®

- Bila tidak boleh menggunakannya

Jangan gunakan Rowatanal® sekiranya anda:

Alah kepada menthol, bismuth subgallate, calcium carbonate, zinc oxide atau mana-mana bahan kandungan lain ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut produk).

- Sebelum mula menggunakan Rowatanal®

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Rowatanal® jika buasir anda berdarah atau telah berpanjangan.

Jika keadaan masih berterusan atau bertambah buruk anda harus merujuk kepada doktor anda.

Rowatanal® mengandungi glycerine, lanolin dan nipastat (parahydroxybenzoates). Ubat ini mengandungi glycerine, yang mungkin memberi kesan laksatif yang ringan. Ia mengandungi lanolin, yang boleh menyebabkan tindak balas kulit. Ia juga mengandungi nipastat yang boleh menyebabkan reaksi alahan (berkemungkinan lambat berlaku).

Kehamilan dan menyusu

Produk ini tidak boleh digunakan semasa hamil dan menyusu melainkan dianggap perlu oleh doktor anda.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil, baru-baru ini telah mengambil atau mungkin akan mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat-ubatan yang diperoleh tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Rowatanal®

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk buasir dalaman, terdapat muncung kanula disediakan yang dapat digunakan untuk menyapu krim ke dalam bahagian dubur (rektum).

- Bila perlu digunakan

Sapukan 2-3 kali sehari dan selepas buang air besar.

- Berapa lama perlu digunakan

Anda harus menggunakan Rowatanal® seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Gunakan krim ini sebaik sahaja anda ingat, kemudian teruskan seperti sebelum ini. Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut mengenai penggunaan produk ini, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Tiada kes yang dilaporkan.

Semasa menggunakan Rowatanal®

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Gunakan ubat anda seperti yang diberitahu oleh doktor anda.

Maklumkan kepada doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda menggunakan Rowatanal®.

Maklumkan kepada doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali dinasihatkan oleh doktor.

Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan memberi Rowatanal® kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Memandu dan mengendalikan mesin

Rowatanal® biasanya tidak mempengaruhi pemanduan atau keupayaan anda untuk mengendalikan mesin.

ROWATANAL® CREAM

Bismuth subgallate/ menthol/ calcium carbonate/ zinc oxide (2% w/w / 1% w/w / 5% w/w / 8% w/w)

Kesan-kesan sampingan
Seperti ubatan lain, ubat ini boleh mengakibatkan kesan sampingan tetapi bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan jarang dilaporkan dengan penggunaan produk ini dan produk sejenisnya. Kesan sampingan termasuk rasa sejuk sementara pada bahagian yang disapu krim. Reaksi sensitiviti sangat jarang dilaporkan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan buruk ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my *[Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]*.

Cara penyimpanan dan pelupusan Rowatanal®
- Penyimpanan
Jangan simpan di atas suhu 30°C. Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput, yang dinyatakan pada kotak dan pada tiub selepas 'Exp'. Tarikh luput merujuk pada hari terakhir bulan itu.

- Pelupusan
Jangan lupuskan ubat melalui sistem kumbahan air atau melalui sistem pembuangan isi rumah. Rujuk ahli farmasi anda bagaimana melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini boleh membantu memelihara alam sekitar.

Maklumat lanjut
- Rupa dan warna produk
Rowatanal® Cream adalah krim berwarna kuning pucat dengan sedikit bau menthol.

- Bahan-bahan kandungan
- Bahan aktif
Menthol, bismuth subgallate, calcium carbonate dan zinc oxide.

- Bahan tidak aktif
Nipastat, Glycerine, Hard paraffin, lanolin anhydrous, purified water, Tegomuls "O", Emulgin B1.

- Nombor MAL:
MAL19921538AZ

Pengilang
Rowa Pharmaceuticals Ltd.,
Bantry,
Co. Cork,
Ireland.

Pemegang Pendaftaran Produk
DCH Auriga (Malaysia) Sdn. Bhd.,
Lot 6, Persiaran Perusahaan,
Seksyen 23, 40300 Shah Alam,
Selangor,
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP
- 03/09/2020

Nombor Siri
NPRA(R4/1)150720/00099